

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

TARIKH : 22 JULAI 2024 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan kajian teknikal pembinaan jambatan Labuan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah telah diambil kira dalam Rancangan Struktur Labuan 2040, manakala bagi status Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*), perkara ini sedang dalam tindakan Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Perbadanan Labuan (PL).
2. Sehubungan itu, pada 6 Jun 2024, YB Menteri KKR memaklumkan pihaknya sedang dalam peringkat penyediaan Terma Rujukan (*Term of Reference*) bagi melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) Jambatan Labuan-Sabah. Kajian ini dijangka akan dimulakan pada suku keempat tahun 2024, tertakluk kepada kelulusan peruntukan.
3. Kajian ini dijangka mengambil masa selama 12 bulan untuk disiapkan. Skop kajian akan mengambil kira pelbagai aspek seperti limpahan ekonomi, kemakmuran sosial dan kebajikan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Sabah. Dalam masa yang sama, kepentingan pihak-pihak tertentu seperti pengusaha feri tidak akan dipinggirkan.
4. Selain daripada itu, kajian ini juga akan meneroka '*new business model*' supaya beban kos pembinaan jambatan ini tidak bergantung kepada dana daripada Kerajaan Persekutuan semata-mata. Kajian ini juga akan meneliti Return of Investment (ROI) yang akan dibawa hasil daripada pembinaan jambatan ini.
5. Walau bagaimanapun, keputusan pelaksanaan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah ini akan dipertimbangkan setelah kajian Feasibility Study diselesaikan terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

TARIKH : 23 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BINTI AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bajet yang diberikan secara terperinci untuk pembangunan, penyelenggaraan kemudahan asas di Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang tahun ini dan adakah terdapat penambahan peruntukan bagi projek-projek di Labuan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur diberi keutamaan sama ada melalui pelaksanaan projek-projek baru atau melibatkan kerja-kerja menaik taraf serta menyelenggara kemudahan asas di ketiga-tiga wilayah berkenaan.
2. Di Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **sebanyak RM172.3 juta kos projek baru** telah diluluskan kerajaan pada tahun 2024 untuk membiayai 7 projek di bawah maksud perbelanjaan pembangunan di tiga (3) wilayah tersebut. Ia melibatkan projek-projek yang dilaksanakan melalui Perbadanan Labuan (PL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
3. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 2 projek baru bernilai RM6.8 juta diluluskan kepada PL, 3 projek baru bernilai RM83.0 juta diluluskan kepada PPj manakala 2 projek baru bernilai RM82.5 juta diluluskan kepada DBKL. **Projek-projek tersebut merupakan tambahan kepada projek sambungan yang telah diluluskan pada tahun lalu.**
4. Projek-projek baru yang diluluskan meliputi pelbagai projek pembangunan seperti tapak pengurusan sampah, perumahan, penyelenggaraan sel *wetland* serta kemudahan awam seperti penyelenggaraan bangunan pejabat kerajaan, pusat simpanan haiwan kacau ganggu dan sebagainya.
5. Manakala melalui maklumat yang diterima daripada Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pula, bilangan keseluruhan projek dalam *Rolling Plan 4 Tahun 2024 RMKe-12* di Wilayah Persekutuan sehingga 24 Jun 2024 merangkumi semua agensi dan kementerian adalah berjumlah 828 projek dengan peruntukan sebanyak RM23.68 bilion.

6. Peruntukan yang disediakan Kerajaan Persekutuan pada tahun ini sahaja kepada W.P. Labuan adalah sebanyak RM221.2 juta bagi 88 projek, W.P. Putrajaya adalah sebanyak RM13.7 bilion bagi 339 projek, W.P. Kuala Lumpur adalah sebanyak RM7.39 bilion bagi 280 projek dan bagi pelbagai Parlimen adalah sebanyak RM2.31 bilion bagi 121 projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk melaksanakan suatu polisi baharu berkaitan kawasan bebas kenderaan di kawasan utama Bandaraya Kuala Lumpur seperti mana yang dilakukan di kawasan Bandar Hilir, Melaka.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan kawasan bebas kenderaan sejak tahun 2013 melalui Program KL Pagi Bebas Kenderaan @ *KL Car Free Morning* (KLCFM). Program ini dilaksanakan pada hari Ahad setiap minggu melibatkan penutupan jalan-jalan utama di bandar raya Kuala Lumpur meliputi Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Dang Wangi, sebahagian jalan di Bukit Nanas, Jalan P. Ramlee, Jalan Ampang, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Laut. Program ini bermula dari jam 7.00 pagi hingga 9.00 pagi merangkumi jarak laluan 7KM (pada minggu pertama dan ketiga) dan jarak 5KM (pada minggu kedua dan keempat).
2. Inisiatif penutupan sebahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dari persimpangan Jalan Esfahan ke persimpangan Jalan Melayu oleh DBKL telah bermula pada 28 Mac 2019 setelah perwartaannya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Program Santai Seni @ TAR telah diperkenalkan sebagai pengisian kepada inisiatif penutupan sebahagian Jalan TAR. Tindakan pelaksanaan penutupan sebahagian Jalan TAR bagi menjadikannya salah satu lokasi bebas kenderaan pada setiap hari Ahad dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam telah bermula pada 28 Ogos 2022.
3. Antara objektif penutupan jalan bagi kedua-dua program ini adalah:
 - i. Mewujudkan kawasan bebas kenderaan bagi mengurangkan jumlah kenderaan di atas jalan raya yang dapat meningkatkan kualiti udara akibat dari pelepasan karbon dari kenderaan bermotor;

- ii. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ke kawasan pusat bandar raya melalui hub pengangkutan awam memandangkan terdapatnya rangkaian rel, perkhidmatan bas GoKL dan Rapid KL serta mempunyai laluan siar kaki yang luas;
 - iii. Mentransformasikan jalan raya yang sesak dengan kenderaaan bermotor kepada *streetwalk* yang kondusif pejalan kaki;
 - iv. Menghubungkan ke destinasi membeli-belah yang boleh dikunjungi dengan lebih selesa, santai dan selamat daripada kenderaaan bermotor; dan
 - v. Menyediakan kawasan mesra pejalan kaki bagi menggalakkan budaya berjalan kaki serta menerapkan gaya hidup sihat dan dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Sihat (*Healthy City*).
4. Ini adalah selaras dengan matlamat dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040), iaitu menggalakkan rangkaian laluan pejalan kaki di mana ruang-ruang yang telah dan berpotensi dijadikan sebagai daerah keutamaan pejalan kaki (*boulevard*) bagi memperkasa aktiviti ekonomi dan mengaktifkan semula kawasan tersebut.
5. Tindakan ini juga adalah selaras dengan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL2030) yang menyasarkan pengurangan 70% intensiti pelepasan karbon berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030.
6. Selain itu, DBKL juga dalam perancangan untuk melaksanakan *Road User Charging (RUC)* iaitu satu mekanisma mengehadkan kemasukan kenderaan persendirian ke dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan jalan raya. Mekanisme yang boleh diteroka adalah seperti *London Congestion Charge*, di mana terdapat elemen diskau, pengecualian dan imbuhan balik kepada sesetengah jenis kenderaan seperti teksi dan kenderaan perdagangan atau kenderaan penyewa/pemilik premis kediaman dalam pusat bandar lingkungan *Congestion Charge Zone*.

NO SOALAN: 60

7. Tindakan yang telah dilaksanakan ini juga sebenarnya bertepatan dengan visi utama Wilayah Persekutuan sebagai C.H.A.S.E City iaitu *Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City* dan *Ecofriendly City* yang mana kerajaan komited untuk menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Sihat (*Healthy City*) dan Bandar Mesra Alam (*Eco-friendly City*) bagi meningkatkan kualiti hidup warga kota disamping dapat mewujudkan komuniti yang mampan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA

TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan kejayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam mengambil tindakan tegas terhadap peniaga-peniaga tidak berlesen. Namun begitu, adakalanya peniaga-peniaga tersebut akan kembali beroperasi di tempat yang sama kerana itu adalah sumber pendapatan mereka. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh DBKL terhadap masalah ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenal pasti beberapa lokasi hotspot yang menjadi tumpuan peniaga tanpa lesen dan tindakan penguatkuasaan telah pun diambil dengan mengeluarkan notis kesalahan serta melaksanakan tindakan sitaan terhadap barang perniagaan. Terdapat empat (4) lokasi hotspot yang dikenal pasti di Kuala Lumpur antaranya ialah di sekitar Jalan Ampang, Jalan P. Ramlee (KLCC), Taman Tasik Titiwangsa dan Masjid India.
2. Berdasarkan statistik tindakan dari awal tahun sehingga Jun 2024, sebanyak 1,524 Notis Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3 (1), UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 telah dikeluarkan ke atas aktiviti penjajaan tanpa lesen termasuk gerai-gerai haram. Di samping itu, sebanyak 1,308 kes sitaan melibatkan aktiviti penjajaan warganegara tanpa lesen manakala sebanyak 1,613 kes sitaan yang melibatkan aktiviti penjajaan bukan warganegara telah dilaksanakan.
3. Untuk mengelakkan peniaga-peniaga ini kembali beroperasi di tempat asal, DBKL telah mengambil tindakan dengan menempatkan pegawai dan anggota penguat kuasa di setiap Parlimen seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi melaksanakan rondaan dan pemantauan secara harian. Selain itu, DBKL juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan operasi secara bersepadu melibatkan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL serta agensi sahabat seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).
4. Dalam usaha untuk membantu golongan penjaja dan peniaga kecil di kalangan warganegara di Kuala Lumpur, DBKL telah

NO SOALAN: 63

melaksanakan pemurnian kiosk / medan penjaja yang melibatkan pelbagai aspek seperti kerja-kerja naiktaraf, pengindahan dan penyelenggaraan serta penempatan semula penjaja yang melibatkan seramai 3,815 penjaja. Di bawah Program Lestari Niaga terdapat seramai 2,608 penjaja yang telah dibantu sepanjang tahun 2023 dan 2024, manakala penyusunan semula penjaja melibatkan 1,207 penjaja di bawah Lesen KL Prihatin (Wilayah Bebas Berniaga). Selain itu, penyusunan pasar dan lain-lain kerja naik taraf juga telah dilaksanakan bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan secara berpusat, lebih sistematik dengan ruang yang lebih kondusif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA

TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pemantauan berkala oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap daya tahan dan perkembangan usia pokok-pokok besar di Kuala Lumpur yang dilaksanakan susulan banyak insiden pokok besar yang telah berusia tumbang kebelakangan ini yang membahayakan warga kota.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sememangnya mempunyai mekanisme dalam kita membuat pemantauan berkala terhadap pokok-pokok yang berusia, terutamanya di jajaran jalan raya utama di ibu kota.
2. Bermula daripada 1 Januari 2019 lagi, DBKL telah pun mengambil inisiatif baharu yang lebih proaktif dalam membuat penilaian ke atas pokok-pokok yang berusia dengan melantik kontraktor *arborist*, penilaian pokok berisiko ataupun *tree risk assessment*. Penilaian ekonomi pokok turut dijalankan di sekitar Kuala Lumpur untuk membantu DBKL dalam membuat keputusan tindakan mitigasi dalam pengurusan pokok berusia.
3. Pertanyaan mengenai pokok berusia ini telah sebenarnya Yang di-Pertua, berbangkit di Dewan Rakyat juga dan telah pun saya jawab beberapa kali. Jadi, sehubungan dengan itu bagi jawapan pada hari ini di Dewan Negara, saya berhasrat untuk memperincikan lagi mekanisme pemantauan di lapangan. Yang ini kita belum pernah jawab lagi dan *insya-Allah* saya rasa ini lah ruang yang sesuai untuk saya menjawab berkenaan dengan mekanisme pemantauan pokok ini.
4. Perkhidmatan ini meliputi pengumpulan data inventori pokok berdasarkan penilaian risiko pokok secara bertahap seperti berikut:
 - i. **Penilaian tahap 1** di mana *Non Arborist* membuat pemeriksaan pokok melalui penilaian visual berdasarkan pengalaman kerja dan pengetahuan dalam bidang arborikultur;
 - ii. **Penilaian tahap 2** ialah melalui ***Visual Tree Assessment (VTA)*** yang dilaksanakan oleh *arborist* bertauliah dengan menggunakan standard yang ditetapkan oleh ***International Society of Arboriculture (ISA)***; dan
 - iii. **Penilaian tahap 3** iaitu penilaian terhadap keadaan struktur

NO SOALAN: 2

pokok menggunakan peralatan khas seperti *Resistograph* dan menggunakan khidmat **tree climber** untuk membuat penilaian di setiap bahagian atas pokok.

5. Penilaian dan pemeriksaan pokok bagi tahap satu ini dilaksanakan bagi setiap 10 bulan bagi per satu pusingan. Manakala bagi tahap dua dan tiga, ia dilaksanakan di lokasi yang mempunyai sejarah kegagalan pokok ataupun *tree failure* yang mempunyai bilangan pokok yang berisiko tinggi. Ini termasuklah lokasi yang berfrekuensi tinggi dalam berdasarkan penggunaan orang awam dan juga kawasan yang padat dengan harta benda dan berharga.
6. DBKL turut juga menjalankan pemeriksaan secara komprehensif dan terperinci bagi kerja-kerja pemeriksaan kesihatan dan kesuburan pokok yang tidak boleh dilihat oleh *visual tree assessment* seperti bahagian akar pokok, bahagian batang dan juga bahagian silara pokok iaitu ranting dia. Dalam masa yang sama, DBKL telah mengguna pakai satu sistem yang dinamakan e-Pokok, di mana sistem ini telah dibangunkan sejak tahun 2019 dan jumlah pokok yang telah diinventori dimasukkan dalam sistem ini sebanyak 236,551 batang pokok.
7. Jadi, sistem ini bertujuan untuk kita rekodkan data inventori pokok, penanaman pokok baharu, daftar pokok serta kerja-kerja penyelenggaraan pokok dan hasil penggunaan sistem ini pada akhirnya dapat sebenarnya membantu DBKL untuk memantau dan menyediakan laporan kerja-kerja penyelenggaraan pokok di Kuala Lumpur.
8. Jadi terakhir Yang di-Pertua, kita juga telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Taskforce Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur, yang saya sendiri mempengerusikannya dan ini untuk memastikan daripada masa-kesemasa mekanisme pemantauan pokok ini kita tambah baik melalui cadangan yang akan diterima daripada beberapa kluster yang telah ditubuhkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA

TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap pemaju-pemaju yang gagal menyiapkan projek-projek penswastaan dengan DBKL mengikut jadual. Hal ini kerana kelewatan tersebut akan mengakibatkan kerugian kepada DBKL yang secara langsung kehilangan hasil cukai pintu yang tertangguh bertahun-tahun.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek-projek penswastaan khususnya yang melibatkan projek usahasama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pemaju telah bermula seawal tahun 1986 sehingga kini.
2. Projek usahasama DBKL keseluruhannya mempunyai 31 perjanjian bersama pemaju. Status terkini projek usahasama adalah seperti berikut;
 - i. 18 perjanjian usahasama telah selesai dilaksanakan;
 - ii. 11 perjanjian usahasama sedang dalam pelaksanaan; dan
 - iii. 2 perjanjian usahasama ditamatkan di mana pemaju gagal mematuhi klausa-klausa perjanjian usahasama.
3. Dalam usaha memastikan projek usahasama ini dilaksanakan, DBKL memantau projek dengan mengadakan mesyuarat bersama pemaju serta membuat lawatan tapak secara berkala.
4. Sekiranya pemaju gagal menyiapkan projek dalam tempoh waktu yang ditetapkan, berdasarkan klausa perjanjian pemaju boleh dikenakan Denda Lewat Siap dan Notis Peringatan.

Sekian, terima kasih.